

**PENYERTAAN POLITIK DI KALANGAN PENDUDUK
DEBAK, N26 SARIBAS**

SELINA BT. ABANG BRAHIM

**FAKULTI SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
1997**

**JA
76
S465
1997**

**Pusat Khidmat Maklumat Akademik
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

**PENYERTAAN POLITIK DI KALANGAN PENDUDUK
DEBAK, N26 SARIBAS**

P.KHIDMAT MAKLUMAT AKADEMIK



SELINA BT. ABANG BRAHIM

Latihan Ilmiah ini dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada syarat-syarat pengijazahan Sarjanamuda Sains Sosial Dengan Kepujian
Bidang Pengkhususan (Politik dan Pemerintahan)

**FAKULTI SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
1997**

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Illahi kerana dengan izin dan limpah kurniaNya saya dapat menyiapkan Latihan Ilmiah ini.

Setinggi-tinggi penghargaan buat Suruhanjaya Pilihanraya Sarawak, Pejabat Daerah Kecil, Debak, Ketua-Ketua Kampung dan Tuai-Tuai Rumah Panjang dan pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan Latihan Ilmiah ini.

Penghargaan yang tidak terhingga juga buat Penyelia saya Encik Andrew Aeria yang telah memberi panduan dan tunjuk ajar kepada saya untuk membuat Latihan Ilmiah ini. Tidak lupa juga buat Encik Neilson Ian Mersat yang telah memberi panduan dan pendapat dalam penulisan Latihan Ilmiah.

Terimakasih yang tidak terhingga buat keluarga tersayang iaitu Abang Brahim, Dayang Ara Napiah, Dayang Abra, Julina, Dayang Siti Fajar dan Abang Mohammad kerana telah membantu daripada segi kewangan dan memberi motivasi untuk menjayakan Latihan Ilmiah ini.

Terimakasih juga buat pasangan suami isteri Encik Mohd. Firdaus bin Abdullah dan Puan Fatimah binti Simin kerana telah membantu saya mengedarkan borang soal selidik dan membantu saya dalam menjayakan kajian ini.

Buat rakan seperjuangan iaitu pelajar program Politik dan Pemerintahan dan Cik Rasimah Ramdzan, Cik Amalina Ab Manaf, Cik Saidah Abdullah, Cik Zulazlina Zainuddin, Cik Ruzitha Mustafa, Cik Hasnah Mahasan dan Cik Noraini Ibrahim, jasa dan kenangan bersama kalian tidak akan dilupakan.

ABSTRAK

(Bahasa Malaysia)

Kajian ini adalah untuk mengkaji penyertaan politik di kalangan penduduk Debak, N26 Saribas. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti cara penyertaan, tujuan penyertaan, intensiti penyertaan dan penyertaan di kalangan etnik. Selain daripada itu, kajian ini juga menguji beberapa hipotesis tentang hubungan faktor sosioekonomi dengan penyertaan politik di kalangan penduduk. Kajian ini dijalankan secara kajian lapangan dengan menggunakan borang soal-selidik di samping melakukan pemerhatian ikut serta semasa kempen pilihanraya DUN 1996. Bilangan responden dalam kajian ini adalah seramai 120 orang yang dipilih secara rawak. Penganalisan data adalah menggunakan SPSS dengan kaedah pekali korelasi dan kekerapan. Hasil kajian mendapati cara penyertaan politik penduduk di Debak adalah agak luas tetapi tidak termasuk aktiviti yang agresif dan rusuhan. Tujuan penyertaan politik pula adalah untuk mendapatkan ganjaran dan pembangunan kawasan luar bandar. Intensiti penyertaan politik di Debak adalah tinggi dan penyertaan bukanlah berdasarkan etnik. Di samping itu, faktor sosioekonomi juga mempengaruhi penyertaan politik di kalangan penduduk Debak.

ABSTRACT

(ENGLISH)

The purpose of this study is to investigate political participation among the people of Debak, N26 Saribas. This research also aims to explore the purpose and intensity of political participation at Debak. Beside that, this research also tries to evaluate participation among ethnic groups and to test the relationship between socioeconomic factors and political participation. The research was include via a questionnaire and participatory observation during 1996 Sarawak State election campaign. A total of 120 respondents were selected using random sampling. Quantitative data was analysed using SPSS(Statistical Package for Social Science) infull while qualitative is also presented. The finding of this research indicates that political participation is broad but does not included aggressive activity or rioting. Political participation take places in response to reward and rural development projects. The intensity of participation is high and participation is not based on ethnicity. Socioeconomic factors also influence political participation in Debak.

SENARAI JADUAL

- Jadual 1** **Anggaran Penduduk Sarawak Pertengahan Tahun Mengikut Kumpulan Etnik 1996**
- Jadual 2** **Keputusan Pilihanraya DUN Sarawak bagi kawasan N19 Saribas, 1969**
- Jadual 3** **Keputusan Pilihanraya DUN Sarawak bagi kawasan N19 Saribas, 1979**
- Jadual 4** **Keputusan Pilihanraya DUN Sarawak bagi kawasan N24 saribas, 1987**
- Jadual 5** **Keputusan Pilihanraya DUN Sarawak bagi kawasan N26 Saribas.**
- Jadual 6** **Bilangan Pengundi di kawasan Debak**
- Jadual 7** **Cara Penyertaan Politik di Kalangan Penduduk Debak**
- Jadual 8** **Tujuan Penduduk Menyertai Kegiatan Politik**
- Jadual 9** **Kekerapan Penyertaan Politik di Debak**
- Jadual 10** **Teman Berbincang Mengenai Politik**
- Jadual 11** **Perbandingan Pendaftaran Pemilih antara Etnik di Debak**
- Jadual 12** **Hubungan Umur dengan Penyertaan Politik**
- Jadual 13** **Hubungan Taraf Perkahwinan dengan Penduduk yang turun Mengundi Pilihanraya DUN 1996**
- Jadual 14** **Pengundian Mengikut Jantina**
- Jadual 15** **Kesesuaian Penyertaan Mengikut Jantina**
- Jadual 16** **Perbandingan Penyertaan Politik antara Kaum**
- Jadual 17** **Perbandingan pendapat Responden dengan Penyertaan Politik**
- Jadual 18** **Hubungan Pendidikan dengan Penyertaan Politik**

SENARAI GAMBARAJAH

Peta 1 **Kawasan Pilihanraya Dewan Undangan Negari Bagi
kawasan N26 Saribas, 1996**

Gambarajah 1 **Model Penyertaan Politik**

Gambarajah 2 **Model Penyertaan Politik**

SENARAI SINGKATAN

BN	-	Barisan Nasional
DUN	-	Dewan Undangan Negeri
Pajar	-	Parti Rakyat Jati Sarawak
PBB	-	Parti Pesaka Bumiputera Bersatu
PBDS	-	Parti Bansa Dayak Sarawak
Permas-		Persatuan Rakyat Malaysia Sarawak
SNAP	-	Sarawak National Party
SUPP	-	Sarawak United People's Party

KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii-iv
ABSTRACT	
SENARAI JADUAL	v
SENARAI GAMBARAJAH	vi
SENARAI SINGKATAN	vii
BAB 1	1
PENDAHULUAN	1
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar belakang kajian	4
1.2 Kenyataan Masalah	13
BAB 2	15
SOROTAN KAJIAN LEPAS	15
BAB 3	24
METODOLOGI KAJIAN	24
3.1 Pengenalan	24
3.2 Tujuan kajian	24
3.3 Persoalan Kajian	28
3.4 Kerangka Teori	29
3.5 Populasi dan sampel kajian	32

3.6	Rekabentuk kajian	33
3.7	Tatacara Kajian	34
3.8	Alat Kajian dan pengutipan data	34
3.9	Penganalisan data	35
BAB 4	36
HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	36
4.1	Pengenalan	36
4.2	Hasil Kajian	36
4.2.1	Cara Penduduk Menyertai Politik	36
4.2.2	Tujuan penduduk Menyertai Politik	38
4.2.3	Tahap Intensiti Penyertaan	39
4.2.4	Penyertaan Politik di Kalangan Etnik	42
4.2.5	Keputusan Ujian Hipotesis	43
	Hipotesis 1: Ramai golongan pertengahan umur menyertai politik daripada golongan muda dan golongan tua	43
	Hipotesis 2: Lebih tinggi tahap penyertaan di kalangan penduduk yang telah berkahwin berbanding dengan penduduk yang tidak berumahtangga	45
	Hipotesis 3: Lebih ramai kaum lelaki menyertai politik daripada kaum wanita	46
	Hipotesis 4: Kaum majoriti lebih giat menyertai politik	

berbanding kaum minoriti	47
Hipotesis 5: Perbandingan orang berpendapatan tinggi lebih menyertai politik daripada orang yang berpendapatan rendah	48
Hipotesis 6: Lebih berpendidikan menyebabkan individu menyertai politik daripada individu yang kurang berpendidikan	49
4.3 Perbincangan	51
4.3.1 Cara Penduduk Menyertai Politik	51
4.3.2 Tujuan penduduk Menyertai Politik	54
4.3.3 Tahap Intensiti Penyertaan	59
4.3.4 Penyertaan Politik di Kalangan Etnik	60
4.3.5 Keputusan Hipotesis	61
Hipotesis 1: Ramai golongan pertengahan umur menyertai politik daripada golongan muda dan golongan tua	61
Hipotesis 2: Lebih tinggi tahap penyertaan di kalangan penduduk yang telah berkahwin berbanding dengan penduduk yang tidak berumahtangga	62
Hipotesis 3: Lebih ramai kaum lelaki menyertai politik daripada kaum wanita	63
Hipotesis 4: Kaum majoriti lebih giat menyertai politik berbanding kaum minoriti	66

Hipotesis 5: Perbandingan orang berpendapatan tinggi lebih menyertai politik daripada orang yang berpendapatan rendah	67
Hipotesis 6: Penyertaan politik lebih tinggi di kalangan individu yang berpendidikan tinggi(formal) berbanding yang berpendidikan rendah	69
4.3 Kesimpulan	71
BAB 5	72
KESIMPULAN	72
5.1 Pengenalan	72
5.2 Implikasi kajian	72
5.3 Had Kajian	74
5.4 Cadangan Kajian ..:.....	75
LAMPIRAN : Borang soal selidik	77
BIBLIOGRAFI	84

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Penyertaan politik adalah satu asas ke arah kejayaan sesebuah negara demokrasi. Tanpa penyertaan daripada rakyat sesuatu sistem demokrasi itu tidak akan berjaya. Sarawak adalah salah sebuah negeri yang terdapat di Malaysia. Seperti negara lain Sarawak juga mengamalkan demokrasi berparlimen. Di Sarawak dewan rakyat di kenali sebagai Dewan Undangan Negeri. Ahli Dewan Undangan Negeri ini mempunyai wakil rakyat yang terdiri daripada 62 kawasan pilihanraya negeri yang terdapat di Sarawak. Untuk memilih wakil-wakil rakyat ini, penyertaan politik di kalangan rakyat adalah amat diperlukan.

Roberson, David (1993) dalam *A Dictionary of Modern Politics* memberi makna penyertaan politik sebagai satu tindakan seseorang individu atau warganegara dalam aktiviti politik dalam demokrasi yang biasa. Penyertaan politik boleh diukur dengan tahap penyertaan seperti pengundian dan kempen politik serta lain-lain cara pengukuran berdasarkan konteks lain yang biasanya berkait rapat dengan keadaan politik dalam sesuatu masyarakat.

Sarawak adalah negeri di Malaysia yang mempunyai penduduk yang pelbagai etnik. Etnik yang pelbagai ini adalah terdiri daripada penduduk bumiputera dan bukan bumitera. Berikut adalah jadual yang menunjukkan anggaran penduduk Sarawak mengikut pada pertengahan 1996.

Jadual 1
Anggaran Penduduk Sarawak Pertengahan Tahun Mengikut
Kumpulan Etnik 1996

Etnik	Bilangan (%)
Melayu	411 200 (21.3)
Iban	565 100 (29.3)
Bidayuh	158 300 (8.2)
Melanau	108 900 (5.6)
Bumiputera lain	117 200 (6.1)
Cina	525 000 (27.3)
Lain-lain kaum bukan bumiputera	17 400 (0.9)
Bilangan	192 300 (100)

Sumber: Diubahsuai dari Jabatan Perangkaan Malaysia, 1996

Berdasarkan jadual tersebut penduduk yang paling ramai terdiri daripada orang Iban. Namun terdapat dua lagi perpecahan utama politik etnik di Sarawak iaitu golongan bumiputera Islam dan bumiputera bukan Islam. Bumiputera Islam adalah gabungan orang Melayu dan Melanau Islam. Manakala bumiputera bukan Islam dikenali sebagai orang Dayak mewakili orang Iban, Bidayuh dan Orang Ulu. Sungguhpun begitu politik orang Islam

lebih dimonopoli orang Melanau yang minoriti, manakala politik orang Dayak dimonopoli oleh orang Iban.

Sarawak telah mendapat kemerdekaannya dengan penubuhan Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963 daripada penjajahan British. Kemerdekaan ini membawa Sarawak kepada sistem pemerintahan demokrasi berparlimen. Keadaan politik di Sarawak adalah berdasarkan politik perkauman, yang mana setiap kaum mengemukakan parti masing-masing untuk menjaga kepentingan mereka. Selain daripada itu, politik di Sarawak adalah menekankan kepada politik pembangunan terutama sekali selepas 1980 an. Tambahan pula politik wang mulai melanda demokrasi di Sarawak terutamanya di kawasan luar bandar.

Situasi politik Sarawak juga sedikit sebanyak mempengaruhi keadaan politik di kawasan Saribas yang dahulunya merangkumi tiga sub-daerah iaitu Daerah Kecil Spaoh, Daerah kecil Debak dan Daerah Kecil Pusa. Tetapi semasa persempadanan semula pada tahun 1991 kawasan Saribas mempunyai dua daerah sahaja apabila Daerah Pusa menjadi satu kawasan lain yang dikenali sebagai kawasan Beladin. Keadaan politik yang berdasarkan perkauman juga menular di kawasan ini yang majoriti penduduknya adalah dikalangan orang Melayu. Ini menyebabkan kawasan ini menjadi tumpuan parti-parti politik Melayu untuk bertanding seperti PBB, PAJAR dan PERMAS. Tetapi para penduduk penduduk lebih cenderung untuk menyokong parti pemerintah. Politik wang juga melanda di N 26 Saribas walaupun dengan jumlah yang kecil. Selain daripada itu, politik pembangunan adalah isu utama yang diketengahkan

dalam setiap pilihanraya. Namun seperti kebanyakan kawasan lain, politik wang juga melanda di kawasan Debak.

1.2 Latarbelakang Kajian

Kajian ini dijalankan di Daerah Kecil Debak, kawasan N26 Saribas, Bahagian Sri Aman, Sarawak. Nama Saribas adalah sempena nama sungai Saribas yang mengalir di kawasan ini. Kawasan ini merangkumi dua buah daerah kecil iaitu Daerah Kecil Spaoh dan Daerah Kecil Debak. Daerah kecil Spaoh mempunyai penduduk seramai 11,218 orang dengan kawasan seluas 529.12 km persegi. Manakala kawasan Daerah Kecil Debak meliputi kawasan seluas 292.5 km persegi dengan populasi seramai 10,249 orang. Memandangkan dua buah tempat tersebut adalah luas, penyelidik cuma memilih satu kawasan sahaja yang mewakili N 26 Saribas iaitu Daerah Kecil Debak. Ini adalah kerana populasi di kawasan ini lebih padat jika dibandingkan dengan kawasan Daerah Kecil Spaoh berdasarkan keluasan dan kepadatan penduduk.

Daerah Kecil Debak terletak di pesisiran Sungai Rimbas, kawasan hulu sungai yang kebanyakannya berbukit dihuni oleh kaum Iban iaitu tertumpu di kawasan Ulu Rimbas dan Ulu Bayor dan kawasan hilir sungai adalah petempatan bagi orang Melayu. Manakala orang Cina pula tinggal di Pekan dan kawasan Sub-Urban Debak iaitu kawasan pekebun-pekebun lada dan koko di sepanjang jalan. Pekerjaan bagi orang Melayu dan Iban di Debak adalah sebagai petani dan pekebun kecil. Golongan belia Iban dan Melayu yang

tidak melanjutkan pelajaran pula kebanyakannya bekerja sebagai pembalok di kawasan pembalakkan di Sarawak. Sementara belia yang berpendidikan pula bekerja di sektor kerajaan dan swasta. Manakala, orang Cina di Debak lebih tertumpu di kawasan pekan sebagai peniaga dan petempatan mereka yang lain adalah secara bertaburan di tepi-tepi jalan dan mengusahakan kebun lada hitam dan koko, mereka lebih dikenali sebagai Cina Kebun oleh penduduk tempatan. Golongan belia Cina pula kebanyakannya berhijrah ke bandar dan bekerja dengan sektor kerajaan dan swasta.

Latar belakang sosial daerah ini adalah agak cermerlang. Penduduknya hidup dalam keadaan aman dan harmoni walaupun terdapat tiga kumpula etnik yang utama iaitu Melayu, Iban dan Cina. Pergaduhan antara kaum adalah amat jarang sekali berlaku. Berkenaan dengan kadar jenayah pula, kawasan ini mempunyai kadar jenayah yang rendah kecuali wujud juga pergaduhan kecil yang seringkali diselesaikan melalui permuafakatan sesama sendiri atas panduan ketua masyarakat. Berkenaan dengan kes polis, kebanyakan kes yang diketengahkan adalah kesalahan kecil seperti kesalahan memandu dan kesalahan tidak mempunyai lesen memandu terutama sekali lesen motorsikal.

Kawasan N26 Saribas ini juga tidak ketinggalan dalam pembangunan. Kawasan yang berhampiran pekan mempunyai kemudahan infrastruktur seperti bekalan elektrik, bekalan air bersih dan telefon. Selain itu diadakan juga kemudahan awam seperti perpustakaan, taman rekreasi dan gelanggang sukan. Sekolah menengah dan sekolah rendah juga terdapat di kawasan ini dan hampir semua kanak-kanak mendapat kemudahan untuk ke sekolah. Namun bagi kawasan yang jauh ke pedalaman mereka tidak mendapat kemudahan


seperti yang terdapat di kawasan petempatan yang berhampiran dengan pekan dan jalanraya.

Latar belakang politik daerah Saribas amat menarik kerana daerah ini belum pernah jatuh ke tangan pembangkang sejak Sarawak mencapai kemerdekaan pada tahun 1963 lagi. Walaupun terdapat beberapa tentangan daripada berbagai pihak yang tidak puas hati dengan parti pemerintah seperti PAJAR (Parti Rakyat Jati Sarawak) dan PERMAS (Persatuan Rakyat Malaysia Sarawak). Namun tindakan mereka ini gagal kerana sikap pasif penduduk yang hanya akur kepada parti pemerintah sahaja.

Pada suatu masa dahulu kawasan Saribas adalah kawasan dominan bagi parti SNAP (Sarawak National Action Party). Seinggakan parti SNAP digelar sebagai parti orang Saribas. Sungguhpun begitu, selepas SNAP keluar dari kerajaan dan sebagai pembangkang pada pilihanraya 1974 kuasa dominan ini telah bertukar ke tangan PBB (Parti Pesaka Bumiputera Bersatu) dalam Barisan Nasional hinggalah sekarang. Selepas kemerdekaan kawasan Saribas di kenali sebagai kawasan N 19 Saribas, tetapi dengan persempadanan semula kawasan pilihanraya bagi negeri Sarawak kawasan ini bertukar menjadi kawasan N24 Saribas pada tahun 1987 dan kemudian menjadi kawasan N 26 Saribas bagi tahun 1996 (Suruhanjaya Pilihanraya Negeri Sarawak, 1997). Penduduk majoriti yang mendiami kawasan Saribas adalah orang Melayu dan diikuti pula oleh orang Iban dan seterusnya Cina. Menurut Leigh (1974) terdapat 66.6 peratus orang Melayu di daerah ini, 29 peratus orang Dayak dan 4.4 peratus Cina. Namun mengikut kajian yang telah dijalankan oleh Chin(1995) mendapati bahawa kawasan Saribas mempunyai penduduk majoriti

yang terdiri daripada orang Melayu seramai 62 peratus daripada keseluruhan penduduknya. Mengikut perangkaan baru pula terdapat seramai 57 peratus penduduk terdiri daripada orang Melayu, 39 peratus terdiri daripada orang Iban dan 4 peratus sahaja penduduk terdiri daripada orang Cina (Suruhanjaya Pilihanraya Negeri Sarawak, 1997).

Berikut adalah peta yang menunjukkan kawasan N26 Saribas, 1996.



Peta 1 , KAWASAN PILIHANRAYA KAWASAN N26 SARIBAS, 1996.

Keputusan pilihanraya kawasan Saribas ini sering kali menyebelahi parti pemerintahan dan peratusan pengundian kawasan ini adalah sederhana. Berikut adalah beberapa analisis tentang pengundian di kawasan Saribas. Pernyataan tersebut adalah berkenaan dengan pilihanraya Dewan Undangan Negeri Sarawak setiap sepuluh tahun selepas kemerdekaan 1963 iaitu pada tahun 1969, 1979, 1987 dan 1996.

Jadual 2

Keputusan Pilihanraya Umum Dewan Undangan Negeri Sarawak bagi
Kawasan N19 Saribas , 1969

Parti	Nama Calon	Bilangan Undi
Perikatan (Bumiputera/SCA)	Kihok bin Amat	1 849
PESAKA	Hj. Hamzawi Hj. Omar	747
SNAP	Jocelyn Beduru Makap	1 312
Bebas	Cr. Laili	181
Bebas	Denis Luat	252

Jumlah pemilih - 6622 orang

Peratus undian - 70.6 peratus

Sumber , Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia, 1972.

Keputusan pilihanraya akhir 1969 ini menunjukkan bahawa masih terdapat pecahan-pecahan parti iaitu antara Bumiputera yang bergabung dengan SCA, PESAKA dan SNAP. Walaupun begitu wujud juga parti Bebas. Pada masa ini politik di kawasan Saribas adalah agak berdasarkan perkauman. Ini kerana setiap calon yang bertanding adalah mewakili dua kaum di kawasan ini dan kedua-duanya merupakan orang tempatan. Jocelyn Beduru Makap adalah seorang Iban dari Rumah Panjang Ulu Bayor, Debak dan Kihok bin Amat adalah penduduk di Kampung Lalang, Debak. Oleh sebab asal usul calon inilah yang membuatkan wujudnya perbezaan sokongan diantara kaum pada masa pilihanraya DUN 1969.

Jadual 3

Keputusan Pilihanraya Umum Dewan Undangan Negeri Sarawak bagi

Kawasan N19 Saribas, 1979

Parti	Calon	Bilangan undi
PAJAR	Ali Kawi	1 987
Bebas	Andrew Mara ak Walter	82
Bebas	Abg. Hipni Abg Turkey	161
Barisan Nasional	Hj. Zainudin Hj. Satem	3 613

Jumlah pemilih - 8628 orang
Peratusan Undian - 68.85 peratus.

Sumber, Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia, 1981

Pilihanraya pada akhir tahun 1970 an ini mula menunjukkan perubahan sikap penduduk di kawasan ini. Mereka mulai berubah daripada sikap hanya menyokong orang tempatan kepada sikap mementingkan pembangunan tempatan. Mereka mulai menyokong parti kerajaan iaitu Parti Barisan Nasional walaupun calon yang bertanding bukanlah orang tempatan. Namun Zainuddin Hj. Satem berjaya mengalahkan calon kuat parti PAJAR iaitu Haji Alli Kawi yang mendapatkan sokongan yang kuat daripada kebanyakan orang Melayu tempatan.

Jadual 4

Keputusan Pilihanraya Umum Dewan Undangan Negeri Sarawak bagi

Kawasan N19 Saribas 1987.

Parti	Nama Calon	Bilangan Undi
PERMAS	Hj. Zainudin b. Hj. Satem	3 184
Barisan Nasional	Bolhassan b. Di	4 620
Bebas	Ahmad b. Johan	108

Jumlah pemilih - 11 014 orang

Peratusan Undian - 72.5 peratus

Sumber, Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia, 1987.

Pilihanraya DUN Sarawak pada tahun 1987 adalah berdasarkan ketidakpercayaan beberapa orang pemimpin Barisan Nasional terhadap pimpinan Ketua Menteri Sarawak, iaitu Tan Sri Haji Abdul Taib bin Mahmud. Terdapat satu lagi parti baru yang ditubuhkan iaitu PERMAS (Parti Rakyat Malaysia Sarawak). Sekali lagi penduduk di kawasan ini teruji apabila pada masa yang sama PERMAS dan PBDS keluar menjadi gabungan yang digelar Maju. Keadaan ini boleh menimbulkan perpecahan undi di kalangan etnik. Sungguhpun begitu, penduduk tidak berpaling tadah terhadap parti pemerintah, walaupun bekas ADUN N19 Saribas Zaimuddin Haji Satem telah bertanding mewakili parti pembangkang iaitu PERMAS. Namun, begitu ramai pengikut setia beliau masih menyokongnya berdasarkan jasa yang pernah beliau berikan kepada penduduk di Debak.

Jadual 5

Keputusan Pilihanraya Umum Dewan Undangan Negeri Sarawak bagi

Kawasan N26 Saribas, 1996

Parti	Nama Calon	Bilangan Undi
Bebas	Hj. Zaini b. Sitam	1 165
Bebas	Albert Dass	802
Barisan Nasional	Dr. Hj. Wahbi Junaidi	3 161
Bebas	Jemat bin Panjang	446

Peratusan Pengundian - 61.8 peratus

Sumber, Suruhanjaya Pilihanraya Negeri Sarawak, 1996.

Pilihanraya DUN Sarawak 1996 bagi kawasan N26 Saribas menyaksikan peratusan pengundian yang rendah berbanding dengan pilihanraya pada tahun-tahun yang sudah. Keadaan ini adalah disebabkan oleh penduduk tidak menerima calon yang dikemukakan oleh Barisan Nasional iaitu Dr. Wahbi Junaidi walaupun beliau telah berkhidmat di kawasan bagi penggal yang lalu. Tambahan lagi parti penentangannya adalah parti Bebas yang tidak mempunyai latarbelakang politik yang kuat. Keadaan ini menyokong kepada Dr. Wahbi untuk menang kerana sikap akur penduduk kepada parti kerajaan.

Berdasarkan keputusan pengundian tersebut, kita dapat menyimpulkan bahawa di kawasan ini juga mendapat tentangan yang hebat daripada pihak pembangkang. Namun begitu penduduk lebih cenderung menyokong parti pemerintah tanpa mengira calon yang dikemukakan oleh kerajaan. Sebagai contohnya, Hj. Zainudin bin Hj. Satem adalah salah seorang tokoh Barisan Nasional yang terkenal di kawasan Saribas. Tetapi semasa pilihanraya Dewan Undangan Negeri 1987 akibat ketidakpercayaan terhadap pemerintahan Tan Sri Hj. Abdul Taib bin Mahmud, Hj. Zainudin telah menjadi pembangkang dan mewakili PERMAS di kawasan lamanya. Malangnya penduduk lebih berminat untuk mengundi parti pemerintah yang diwakilli oleh seorang calon baru iaitu Encik Bolhassan bin. Di.